

02 AUG 2003

KLIBOR-MINGGUAN/I

HARGA NIAGA HADAPAN KLIBOR DIUNJUR RENDAH SEDIKIT MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Harga kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) dijangka rendah sedikit minggu depan dengan jangkaan hasil yang lebih tinggi.

Niaga hadapan KLIBOR juga dijangka menyaksikan beberapa dagangan aktif minggu depan, kata peniaga.

"Bagaimanapun, kenaikan dalam harga dan jumlah dagangan akan terhad setelah permintaan bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia akan lebih kukuh," kata beliau.

"Para pelabur akan mengambil sikap tunggu dan lihat bagi mengikuti perkembangan seterusnya dalam ekonomi domestik," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir semasa minggu yang berakhir berkata pertumbuhan keluaran dalam negara kasar di Malaysia akan mencecah 4.5 peratus bagi 2003.

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, Jun 2004, Sept 2004 dan Dis 2004 naik 11 mata masing-masing kepada 96.73, 96.65 dan 96.61.

Mac 2005 naik satu mata kepada 96.45.

Jumlah dagangan bagi minggu susut kepada 3,515 lot daripada 11,345 lot minggu lepas.

Pendasar KLIBOR tidak bulan kekal daripada paras minggu lepas pada 3.10 peratus.

Bagi kontrak hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) lima tahun, bagi asas Jumaat ke Jumaat, Sept 2003 dan Dis 2003 masing-masing susut 2.58 mata kepada 108.60 dan 108.00.

Jumlah dagangan bagi minggu yang berakhir lebih tinggi pada 7,086 lot daripada 3,431 lot minggu lepas. -- BERNAMA

CL MR NHD